



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/7/2011

Perjalanan Rombongan Merdeka ke London

PADA 1 Januari 1956, Rombongan Merdeka berlepas ke Singapura dengan menaiki kapal terbang dari Lapangan Terbang Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Sejurus tiba di Singapura, rombongan itu disambut kira-kira 10,000 ahli UMNO dan berehat di Hotel Raffles sementara menanti bertolak ke Pelabuhan Tanjung Pagar untuk menaiki kapal laut M.V. Asia ke Karachi, Pakistan.

Dalam pelayaran, rombongan itu singgah di Ceylon (Sri Lanka), India sebelum tiba di Pakistan.

Di Karachi, Rombongan Merdeka menaiki kapal terbang ke Kaherah, Mesir sebelum tiba di London pada 14 Januari 1956.

Di London, Tunku Abdul Rahman menemui Perdana Menteri British, Sir Anthony Aden dan Queen Elizabeth II selain berucap di Malaya Hall dan Sandhurst.

Rombongan Merdeka kemudian berunding dengan perwakilan kerajaan British iaitu Alan Lennox Boyd, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, John Hare; Menteri Negara, Donald Mac Gillvray; Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu, David Wathersthor; dan Ketua Setiausaha Persekutuan Tanah Melayu, Oscar Spencer.

Rundingan dimulakan pada 16 Januari 1956 pukul 10.10 pagi di Lancaster House London. Ia berlangsung sehingga 6 Februari 1956.

Hasilnya, kerajaan British akur memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu dan perjanjian ditanda tangani pada 8 Februari 1956.

Kerajaan British menetapkan tarikh 31 Ogos 1957 bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan mutlak.

Rombongan diketuai Tunku Abdul Rahman pulang dari London pada 16 Februari dan sampai di Singapura pada tengah malam 19 Februari.

Keesokannya Rombongan Merdeka telah bertolak ke Melaka di mana satu sambutan besar-besaran diadakan memabitkan kira-kira 100,000 orang menunggu di Padang Banda Hilir yang kini dikenali sebagai Dataran Pahlawan.